SIRI SATRIA NEGARA

WAN MAT SAMAN

PEMBINA TERUSAN

Disusun semula oleh

Shuhada

VC BOOK CO SDN. BHD.
28-3, Jalan Radin Tengah,
Bandar Baru Seri Petaling,
57000 Kuala Lumpur.
Tel: 03-9587093
Fax: 03-9570166

© VC Book Co Sdn. Bhd. 1997
Cetakan Pertama 1997

Hak Cipta Terpelihara.
Tidak dibenarkan mengeluar ulang
mana-mana bahagian buku ini, sama ada artikel,
ilustrasi atau isi kandungan dalam apa juga bentuk
dan teknik baik secara elektronik, fotokopi, mekanik,
rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin
bertulis daripada VC Book Co Sdn. Bhd.

PerpustakaanNegara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Wan Mat Saman: Pembina Terusan/disusun semula oleh Shuhada.
(Siri Satria Negara)
ISBN 983-080-033-4 (set)
ISBN 983-080-039-3
1. Kedah-History 2. Heroes-Kedah I. Shuhada, 1970- II. Siri
959.5112

M
902151

M
959.5112
WAN

Dicetak oleh:
L. C. MARKETING
9, Jalan Kijang Satu,
Taman Suntex, 43200,
Batu 9, Cheras, Kajang,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-9049098

- 1 DEC 1997
Perpustakaan Negara Malaysia

Wan Muhammad Saman menjadi Menteri Besar Kedah ketika zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Syah. Beliau merupakan Menteri Besar yang bijaksana. Beliau juga sentiasa mengambil berat tentang masalah rakyat jelata.

Kebanyakan penduduk Kedah bekerja menanam padi. Terdapat banyak kawasan sawah yang luas di negeri Kedah ketika itu. Padi menjadi hasil yang penting bagi negeri Kedah. Wan Muhammad Saman sentiasa mengambil berat tentang usaha penanaman padi. Beliau selalu melawat para petani di serata negeri Kedah untuk bertanya tentang masalah mereka.

Pada suatu ketika, Wan Muhammad Saman pergi melawat kawasan sawah yang terletak antara Alor Setar dengan Gunung Jerai. Kedatangan beliau disambut dengan gembira oleh penduduk di kawasan itu. Mereka sebenarnya sudah lama menunggu peluang untuk bertemu dengan Menteri Besar.

Penduduk kawasan itu mengadu kepada Wan Muhammad Saman tentang tanaman padi mereka yang kurang menjadi. Padi yang ditanam tidak tumbuh dengan subur. Hasil yang diperolehi sangat kurang dan kadangkala merugikan. Ramai penduduk kawasan tersebut yang terpaksa berpindah ke tempat lain.

Wan Muhammad Saman segera mengarahkan orang-orangnya menyiasat perkara tersebut. Beliau mahu mengetahui punca tanaman padi di kawasan itu tidak menjadi. Beliau bimbang kelak semua penduduk kawasan itu akan berpindah ke tempat lain. Setelah disiasat, Wan Muhammad Saman mendapat tahu punca masalah tersebut. Puncanya ialah saliran air di kawasan itu kurang baik. Airnya agak dalam dan masam kerana tidak mengalir.



Wan Muhammad Saman menganggap masalah di kawasan itu adalah masalah yang serius. Kawasan sawah di situ agak luas. Jika dibiarkan, tentu akan mendatangkan kerugian kepada negeri. Beliau pun memikirkan cara untuk membaiki saliran air di kawasan tersebut.

Akhirnya Wan Muhammad Saman membuat keputusan untuk membina satu terusan. Dengan adanya terusan, saliran air akan dapat dikawal. Ini akan membantu usaha penanaman padi di kawasan tersebut. Wan Muhammad Saman menghadap Sultan Kedah untuk menerangkan rancangannya. Sultan Kedah terus sahaja bersetuju dengan rancangan Menteri Besarnya itu. Bagaimanapun, baginda menyerahkan kepada Wan Muhammad Saman untuk menjayakan rancangan itu sendiri, termasuk dalam soal kewangan.

Wan Muhammad Samad sangat gembira dengan persetujuan dan galakan daripada Sultan Kedah. Bagaimanapun, beliau tahu rancangan itu adalah rancangan yang besar. Bukanlah mudah untuk menjayakannya. Apatah lagi, beliau terpaksa mencari wang sendiri untuk menjayakannya.

Langkah pertama yang dilakukan oleh Wan Muhammad Saman ialah meneliti laluan yang sesuai untuk membina terusan. Setelah membuat tinjauan beberapa hari, beliau membuat keputusan untuk membina terusan dari hujung Sungai Pangkalan hingga ke kaki Gunung Jerai.

Terusan yang akan dibina itu agak panjang. Rancangan itu tentunya menggunakan belanja yang besar dan tenaga yang banyak. Wan Muhammad Saman bercadang menggunakan buruh-buruh Cina untuk melakukan kerja-kerja pembinaan terusan tersebut.



Apabila Wan Muhammad Saman mengumumkan rancangannya, beberapa orang ketua kaum Cina datang menemuinya. Masing-masing berminat untuk menjalankan kerja membina terusan tersebut. Mereka mahu berbincang dengan Wan Muhammad Saman tentang upah bagi menjalankan kerja tersebut.

Selepas berbincang, masing-masing bersetuju dengan upah dan syarat kerja. Wan Muhammad Saman memilih beberapa kumpulan pekerja Cina beliau percaya dapat menjalankan kerja itu dengan baik. Beliau tidak mahu rancangan besar seperti itu tergendala.

Sebelum kerja-kerja dimulakan, terlebih dahulu Wan Muhammad Saman memberi penerangan tentang terusan yang akan dibina. Beliau mahu membina terusan yang benar-benar dapat memberi manfaat kepada penanaman padi di daerah tersebut.



Wan Muhammad Saman mahu terusan yang dibina nanti benar-benar lurus. Lebarnya kira-kira 24 hasta dan dalamnya pula kira-kira lima hasta. Tanah yang dikorek pula akan dijadikan ban di kiri kanan terusan.





Para pekerja Cina itu sudah memahami apa yang dikehendaki oleh Wan Muhammad Saman. Mereka sanggup membina terusan seperti yang dikehendaki itu. Bagaimanapun, mereka mahu Wan Muhammad Saman mengukur tanah yang menjadi laluan terusan itu supaya ia benar-benar lurus.

Wan Muhammad Saman telah menggunakan kebijaksanaannya untuk mengukur dan menandakan laluan terusan tersebut supaya benar-benar lurus. Beliau memerintahkan orang-orangnya memasang jamung pada malam hari di sepanjang laluan terusan itu. Dengan memperhati api jamung yang berderetan itu, beliau dapat memastikan satu laluan yang lurus dibuat.

Setelah laluan terusan dibuat, pekerja-pekerja Cina pun mula bekerja. Mereka bekerja dengan tekun kerana Wan Muhammad Saman mahu terusan disiapkan segera. Beliau tidak mahu projek besar itu dilengah-lengahkan.

Wan Muhammad Saman sentiasa mengawasi kerja-kerja pembinaan terusan itu. Beliau melakukan lawatan ke tempat itu dari semasa ke semasa. Beliau juga sentiasa membayar gaji pekerja Cina itu pada masa yang dijanjikan.

Kerja pembinaan terusan itu menelan belanja yang besar. Selepas beberapa minggu sudah banyak wang yang dibelanjakan oleh Wan Muhammad Saman. Wang simpanan Wan Muhammad Saman semakin berkurangan.



Lama-kelamaan, Wan Muhammad Saman sudah kehabisan wang. Pembinaan terusan belum juga siap. Hal ini menyebabkan beliau beberapa kali terpaksa melengahkan pembayaran upah kepada pekerja Cina.



Pekerja-pekerja Cina itu mula tidak puas hati kerana upah mereka lambat dibayar. Mereka pun mengadu kepada ketua masing-masing. Mereka menjadi tidak bersemangat untuk meneruskan kerja.

Ketua-ketua pekerja Cina itu pula mengadu kepada Wan Muhammad Saman. Wan Muhammad Saman meminta mereka supaya bersabar. Beliau berjanji akan membayar upah dengan segera apabila mendapat wang.

Selepas beberapa kali Wan Muhammad Saman lambat membayar upah, pekerja-pekerja Cina itu menjadi marah. Mereka membuat rancangan sulit sesama mereka. Rancangan mereka ialah untuk membunuh Wan Muhammad Saman.

Ketua-ketua kumpulan pekerja Cina itu cuba memujuk anak buah masing-masing supaya bersabar. Bagaimanapun, kemarahan mereka sudah tidak dapat dikawal lagi. Mereka menganggap Wan Muhammad Saman telah menjadikan mereka seperti hamba.





Pekerja-pekerja Cina itu sudah berikrar untuk membunuh Wan Muhammad Saman. Mereka hanya menunggu masa yang sesuai untuk bertindak. Nyawa Wan Muhammad Saman benar-benar dalam bahaya.

Walau bagaimanapun, belum sempat pekerja-pekerja Cina itu melaksanakan rancangan mereka, Wan Muhammad Saman telah datang menemui mereka. Wan Muhammad Saman berjaya mengumpul wang dengan menjual harta bendanya. Dengan itu beliau dapat membayar semua upah pekerja-pekerja Cina itu.

Selepas itu, kerja-kerja pembinaan terusan berjalan dengan lancar. Pekerja-pekerja Cina itu bekerja dengan bersungguh-sungguh. Mereka telah melupakan kemarahan mereka kepada Wan Muhammad Saman.



Pada penghujung tahun 1885, terusan itu pun siap dibina. Panjangnya kira-kira 35 kilometer. Wan Muhammad Saman berasa sangat gembira. Terusan itu telah dikenali sebagai Terusan Wan Muhammad Saman.

Kejayaan Wan Muhammad Saman menggembirakan Sultan Kedah. Rakyat Kedah juga gembira kerana terusan itu akan memberi manfaat kepada mereka. Terusan itu akan membantu memajukan penanaman padi di negeri Kedah.

Sebagai menghargai jasa Wan Muhammad Saman, Sultan Kedah telah mengurniakan tanah seluas 40 relung di kawasan terusan tersebut kepada Wan Muhammad Saman. Dengan kurniaan itu, Wan Muhammad Saman dapat mengumpul semula segala wang perbelanjaan yang digunakan untuk membina terusan tersebut. Beliau juga menjadi orang yang kaya raya selepas itu.